

**MENEROKA STRATEGI DAYA TINDAK IBU
TUNGGAL DALAM MENANGANI TEKANAN
KEWANGAN**

CHE NURAFIDAH BINTI CHE RASLI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

**MENEROKA STRATEGI DAYA TINDAK IBU
TUNGGAL DALAM MENANGANI TEKANAN
KEWANGAN**

oleh

CHE NURAFIDAH BINTI CHE RASLI

**Tesis diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Julai 2025

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga kehadiran Ilahi, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kerana dengan limpah kurniaan, nikmat dan izinNya dapat juga saya menghabiskan perjalanan untuk menamatkan pengajian Sarjana ini setelah hampir beberapa tahun tertangguh akibat ujian-ujian yang tidak terduga. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Dr Zarina Md Nor dan penyelia bersama Dr Rafisah Mat Radzi yang banyak membantu, memberikan tunjuk ajar, mendorong dan sentiasa memberikan kata-kata samangat buat saya untuk menyiapkan kajian ini. Saya turut merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia yang memberikan saya peluang dan kepercayaan untuk menyambung pelajaran sehingga ke peringkat ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Rumah Kebajikan Seri Cahaya Pulau Pinang (NGO), Persatuan Ibu Tunggal Sakinah dan arwah cikgu Faridah Abdul Hamid (Al-Fatihah: dibaca) kerana turut bekerjasama membantu saya untuk mengatur temubual bersama responden yang terlibat. Ucapan terima kasih ini juga tidak lupa saya dedikasikan kepada suami, anak-anak, semua sahabat saya dan seluruh ahli keluarga saya terutama arwah ibu dan bapa saya, yang sentiasa mendorong dan mendoakan kejayaan saya di dalam hidup di dunia dan juga di akhirat. Semoga pahala penat lelah saya menuntut ilmu turut mengalir kepada kedua-dua ibu bapa saya di alam sana (Al-Fatihah: dibaca).

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI SINGKATAN	vii
SENARAI LAMPIRAN.....	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	xi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	2
1.2 Pernyataan Masalah	12
1.3 Objektif Kajian.....	19
1.4 Persoalan Kajian.....	19
1.5 Kepentingan Kajian	19
1.6 Takrifan Istilah.....	20
1.7 Skop Kajian.....	24
1.8 Susunatur Kajian	25
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR.....	27
2.1 Definisi dan Konsep Ibu Tunggal	27
2.1.1 Ibu tunggal	28
2.2 Kesukaran Kewangan.....	30
2.3 Tekanan Kewangan.....	32
2.4 Kesejahteraan Kewangan	34
2.5 Strategi daya tindak.....	36
2.6 Kajian Lepas.....	39
2.7 Teori.....	55
2.7.1 Kerangka Teori.....	67
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN.....	74
3.1 Reka Bentuk Kajian	74

3.3	Instrumen Kajian	83
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	85
3.5.1	Indikator Pengumpulan Data Temubual	90
3.6	Analisis Data	95
BAB 4 HASIL KAJIAN.....		98
4.1	Analisis Demografi	98
4.1.2	Maklumat Pemilikan Kediaman dan Jenis Kediaman	104
4.1.2	Hutang dan Kewangan	107
4.2	Skala <i>InCharge</i> Tekanan Kewangan/ Kesejahteraan Kewangan.....	109
4.3	Temubual.....	120
4.3.1	Analisis Visualisasi Perisian NVivo12/ NVivo 14	120
4.3.2	Corak Strategi Daya Tindak Ibu Tunggal	133
4.3.3	Pengalaman Daya Tindak Ibu Tunggal.....	168
4.3.4	Keberkesanan Strategi Daya Tindak Ibu Tunggal	221
4.3.5	Harapan Ibu Tunggal	235
4.4	Kesimpulan	248
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		250
5.1	Rumusan dan Perbincangan Kajian	250
5.2	Implikasi Kajian	259
5.3	Sumbangan Kajian	261
5.4	Limitasi Kajian.....	265
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	270
5.5.1	<i>Borang Kaji Selidik dan Temubual</i>	271
5.6	Kesimpulan	274
RUJUKAN		275
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Statistik Bilangan Ibu Tunggal Yang Berdaftar Dengan JPW Sehingga 15 November 2022.....	3
Jadual 1.2 Bilangan perceraian di Malaysia, 2017-2023.....	5
Jadual 3.1 Jenis-jenis Soalan Kajian.....	85
Jadual 3.2 Indikator Bagi Konsep Sokongan Formal.....	88
Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Ciri-ciri Asas	99
Jadual 4.2 Taburan Responden Mengikut Jenis Pemilikan Kediaman, Jenis Kediaman dan Kos Bayaran Bulanan (RM).....	104
Jadual 4.3 Taburan Responden Mengikut Maklumat Hutang, Pemilikan Kenderaan dan Kewangan.....	107
Jadual 4.4 Skala <i>InCharge</i> Tekanan Kewangan/ Kesejahteraan Kewangan...	109
Jadual 4.5 Taburan Responden Mengikut Corak Strategi Daya Tindak Ibu Tunggal dan Nilai Bantuan (RM).....	134
Jadual 4.6 Taburan Responden Mengikut Keberkesanan Strategi Daya Tindak.....	222

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Pendapatan dan Kemiskinan, 2022.....	9
Rajah 1.2 Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata Bagi Kumpulan Isi Rumah Mengikut Strata, 2022.....	11
Rajah 2.1 Model Transaksional Stres dan Daya Tindak.....	64
Rajah 2.2 Gabungan Kerangka Teori.....	71
Rajah 3.1 Rekabentuk Kajian.....	75
Rajah 4.1 Peta Minda.....	121
Rajah 4.2 <i>Tree Map</i>	124
Rajah 4.3 <i>Sunburst</i>	125
Rajah 4.4 Maklumat Nilai Atribut Pengkodan (<i>Tree Map</i>)	127
Rajah 4.5 Peta Kluster 3D.....	129
Rajah 4.6 <i>Dendogram Horizontal</i>	130
Rajah 4.7 <i>Word Cloud</i>	132
Rajah 4.8 Keputusan <i>Query</i> (tidak termasuk <i>stop words</i>)	132
Rajah 4.9 <i>Stop Words</i>	133

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
BSH	Bantuan Sara Hidup
DOSM	<i>Department of Statistics Malaysia</i>
JAIP	Jabatan Agama Islam Perak
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (dahulu dikenali sebagai (KPLB: Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebelum tarikh 9/12/2022))
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat
NGO	<i>Non-Profit Organisation</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
PERKESO/	Pertubuhan Keselamatan Sosial
SOCISO	<i>Social Security Organization</i>
PGK	Paras Garis Kemiskinan
PPRT	Program Perumahan Rakyat Termiskin
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
R	Responden
RISDA	<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
ROS	<i>Registry of Societies</i> (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia)

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran 1 Latar belakang Responden.....	291

MENEROKA STRATEGI DAYA TINDAK IBU TUNGGAL DALAM MENANGANI TEKANAN KEWANGAN

ABSTRAK

Ibu tunggal berpendapatan rendah sering berhadapan dengan pelbagai tekanan kewangan yang boleh menjejaskan kesejahteraan diri dan keluarga. Tekanan kewangan dalam konteks ini merujuk kepada perasaan cemas dan terbeban akibat kekurangan sumber kewangan untuk memenuhi keperluan asas, manakala kesejahteraan kewangan mencerminkan tahap keupayaan individu mengurus kewangan harian, menghadapi kecemasan, dan merancang masa depan secara berkesan. Kajian ini dijalankan bagi meneroka strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal berpendapatan rendah dalam menangani tekanan kewangan yang dihadapi. Kajian ini berpaksikan kerangka konseptual yang menggabungkan lima (5) teori utama, iaitu Model Tekanan Keluarga, Teori Pemuliharaan Sumber, Teori Stres dan Daya Tindak, Teori Tingkah Laku Terancang, serta Teori Ketahanan. Gabungan teori ini membolehkan pemahaman yang menyeluruh tentang bagaimana individu bertindak balas terhadap tekanan dan bagaimana sumber, sikap, serta sokongan sosial mempengaruhi keupayaan mereka untuk bertahan. Dari segi metodologi, pendekatan kualitatif digunakan dengan sokongan data kuantitatif deskriptif. Seramai 19 orang ibu tunggal dari negeri Pulau Pinang dan Perak dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur, manakala tahap tekanan dan kesejahteraan kewangan diukur menggunakan skala *InCharge* Tekanan Kewangan/ Kesejahteraan Kewangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden mengaplikasikan tiga bentuk utama strategi daya tindak: (i) sokongan

luaran, termasuk bantuan daripada agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan; (ii) sokongan dalaman, seperti bantuan daripada keluarga dan komuniti; dan (iii) daya tindak sendiri, yang merangkumi pendekatan kreatif, keusahawanan kecil, serta amalan spiritual. Selain tekanan kewangan, mereka turut berdepan dengan cabaran dalam aspek pengasuhan anak, tekanan emosi, stigma sosial, dan isu berkaitan dasar awam. Secara keseluruhan, keberkesanan strategi yang digunakan adalah berbeza-beza bergantung kepada latar belakang dan akses kepada sumber. Walaupun hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua ibu tunggal, ia tetap memberi sumbangan penting kepada dasar sosial, program sokongan komuniti, dan wacana akademik berkaitan kesejahteraan kewangan ibu tunggal di Malaysia.

EXPLORING SINGLE MOTHERS' COPING STRATEGIES IN DEALING WITH FINANCIAL STRESS

ABSTRACT

Single mothers with low income often face persistent financial stress, which can adversely affect their personal and family well-being. Financial stress refers to the anxiety and burden experienced due to limited financial resources to meet essential needs. In contrast, financial well-being reflects the individual's ability to manage daily expenses, prepare for financial emergencies, and plan for the future. This study aims to explore the coping strategies employed by low-income single mothers in navigating financial stress. This research is grounded in a conceptual framework that integrates five (5) key theories: the Family Stress Model, Conservation of Resources Theory, Stress and Coping Theory, Theory of Planned Behavior, and Resilience Theory. These theories collectively provide a comprehensive understanding of individual responses to financial strain and how personal resources, social support, and behavioral intentions shape coping mechanisms. A qualitative research approach was adopted, supported by descriptive quantitative data. Nineteen (19) single mothers from Penang and Perak were selected through purposive sampling. Data collection involved semi-structured interviews, while the level of financial stress and well-being was assessed using the InCharge Financial Distress/Financial Well-Being Scale. Findings revealed three main types of coping strategies: (i) external support, such as assistance from government agencies and NGOs; (ii) internal support, including help from family and friends; and (iii) self-initiated strategies, encompassing creative efforts, small-scale entrepreneurship, and spiritual practices. Apart from financial stress,

respondents also faced challenges related to child rearing, emotional stress, societal stigma, and policy related issues. Although the coping strategies varied in effectiveness depending on individual context and resources, the study contributes valuable insights to policymakers, support organizations, and scholars in understanding the financial well-being of single mothers in Malaysia.

BAB 1 PENGENALAN

PENDAHULUAN

Kajian ini memfokuskan kepada strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal berpendapatan rendah dalam menangani tekanan kewangan yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Golongan ini sering berhadapan dengan pelbagai tekanan ekonomi, termasuk keperluan untuk menanggung perbelanjaan isi rumah secara bersendirian, menyara anak-anak, serta memenuhi keperluan asas tanpa sokongan pasangan. Justeru, kajian ini meneliti bentuk daya tindak yang diamalkan oleh ibu tunggal, sama ada dari aspek keusahawanan, sokongan sosial, atau strategi rohani, dalam menyesuaikan diri dengan situasi kewangan yang mencabar. Bab ini merangkumi beberapa bahagian penting yang membentuk kerangka awal kajian. Ia dimulakan dengan latar belakang kajian yang menghuraikan konteks dan isu utama berkaitan ibu tunggal serta cabaran kewangan yang dihadapi. Seterusnya, pernyataan masalah dikemukakan bagi menjelaskan jurang pengetahuan yang wujud dan keperluan kajian dijalankan. Bab ini turut mengemukakan objektif kajian dan persoalan kajian yang menjadi panduan kepada pelaksanaan kajian secara menyeluruh. Selain itu, kepentingan kajian dihuraikan bagi menunjukkan sumbangan kajian ini kepada pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, agensi sokongan sosial, dan golongan ibu tunggal itu sendiri. Takrifan istilah turut disertakan bagi menjelaskan maksud konsep utama yang digunakan agar tidak berlaku kekeliruan. Bahagian skop kajian pula menjelaskan batasan kajian dari segi lokasi, populasi sasaran, dan aspek yang diteliti. Akhir sekali, susun atur kajian dihuraikan bagi memberi gambaran keseluruhan tentang kandungan setiap bab dalam tesis ini. Dengan struktur ini, Bab 1

bertindak sebagai landasan awal kepada keseluruhan kajian dan menyediakan asas yang kukuh untuk memahami tujuan, arah, dan ruang lingkup penyelidikan yang dijalankan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Dewasa ini, perkembangan dan kemajuan dunia akibat industrialisasi dan globalisasi telah membawa perubahan yang besar dalam kehidupan manusia. Hal ini juga tidak dinafikan implikasinya terhadap institusi keluarga. Salah satu implikasi adalah peningkatan dalam bilangan keluarga ibu tunggal (Chavda & Nisarga, 2023). Peningkatan bilangan ibu tunggal dan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh golongan ini semakin dirasakan bahangnya kebelakangan ini.

Berdasarkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal (2015-2020), ibu tunggal dikategorikan ke dalam tiga (3) kelompok yang berikut;

- i) perempuan yang menjadi ketua isi rumah, bertaraf perkahwinan balu atau bercerai/ berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama;
- ii) perempuan yang menjadi ketua isi rumah tetapi mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; atau
- iii) perempuan yang menjadi ketua isi rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf).

	Negeri	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sabah	Bumiputera Sarawak	Lain-lain	Tidak dinyatakan	Jumlah
Utara	Perlis	1,671	68	30	1	-	35	383	2,188
	Kedah	10,757	429	876	7	7	101	1,759	13,936
	Pulau Pinang	4,661	1,066	1,041	2	4	31	411	7,216
	Perak	6,970	1,275	2,072	12	2	274	372	10,977
Pantai Timur	Kelantan	17,013	171	68	3	5	112	2	17,374
	Terengganu	4,077	58	12	1	1	6	2,941	7,096
	Pahang	4,340	497	308	5	2	72	6	5,230
Pusat	WP Kuala Lumpur	5,030	1,026	1,622	116	36	109	85	8,024
	Selangor	13,562	1,533	4,501	141	53	182	1,095	21,067
	Negeri Sembilan	5,807	808	2,330	17	16	239	2	9,219
	WP Putrajaya	81	2	2	2	1	-	-	88
Selatan	Johor	15,572	1,928	2,151	54	56	82	20	19,863
	Melaka	6,190	655	881	15	7	149	22	7,919
Sabah & Sarawak	Sabah	1,512	392	22	8,836	45	897	7	11,711
	Sarawak	4,647	1,286	20	50	11,366	383	674	18,426
	WP Labuan	325	9	1	66	3	32	2	438
	Tidak dinyatakan	13	32	5	-	-	-	405	455
	JUMLAH	102,228	11,235	15,942	9,328	11,604	2,704	8,186	161,227

Jadual 1.1: Statistik Bilangan Ibu Tunggal Yang Berdaftar Dengan JPW Sehingga 15 November 2022

Sumber: Jabatan Pembangunan Wanita, 2022

Dalam konteks Malaysia, isu peningkatan jumlah ibu tunggal semakin membimbangkan dan turut menjadi perhatian pelbagai pihak. Malah, elemen ini menjadi isu yang begitu hangat diperdebatkan di dalam sidang parlimen Malaysia saban tahun. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1, perangkaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mendapati bahawa bilangan ibu tunggal yang telah berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) di seluruh negara setakat 15 November 2022 adalah berjumlah 161,227 orang. Dalam konteks ini, negeri-negeri di Pusat iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan jumlah ibu tunggal sebanyak 38,398 orang diikuti dengan negeri-negeri di Utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak iaitu sebanyak 34,317 orang. Negeri Sabah, Sarawak dan Labuan mencatatkan jumlah ibu tunggal sebanyak 30,575 orang pula. Negeri-negeri di Pantai Timur iaitu Kelantan,

Terengganu dan Pahang pula mencatatkan angka sebanyak 29,700 orang manakala negeri-negeri di Selatan pula iaitu Melaka dan Johor mencatatkan angka sebanyak 27,782 orang. Di samping itu, terdapat 455 orang ibu tunggal yang berdaftar tetapi tidak mempunyai spesifikasi yang jelas mengikut kategori negeri dan etnik.

Walaupun perangkaan JPW menunjukkan bilangan ibu tunggal yang berdaftar adalah 161,227 orang pada tahun 2022 namun jumlah yang direkodkan ini belum tentu melambangkan jumlah sebenar ibu tunggal di Malaysia. Hal ini kerana dipercayai bahawa terdapat segelintir ibu tunggal yang masih belum berdaftar kerana kurangnya pendedahan, pengetahuan dan sikap tidak endah mengenai kewujudan institusi ini dan kelebihan yang bakal mereka perolehi apabila berdaftar dengan JPW. Ramai ibu tunggal tidak berdaftar dengan JPW kerana golongan ini tidak mengenal fungsinya, tidak mendapat pendedahan persatuan ibu tunggal dan atas faktor kesibukan menyebabkan mereka terpaksa memperkukuhkan diri dan keluarga mereka (MStar, 2016). Oleh itu, perangkaan sebenar bilangan ibu tunggal yang terdapat di Malaysia adalah kurang tepat.

Tambahan lagi, berdasarkan Dapatan Awalan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) pula, jumlah ibu tunggal di Malaysia adalah sebanyak 910,091 orang atau bersamaan dengan 8.3% jumlah keseluruhan penduduk (Kosmo,2022). Angka ini memperlihatkan pertambahan jumlah yang ketara iaitu hampir 288% berbanding jumlah 235,240 ibu tunggal berdasarkan rekod Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia pada tahun 2010 (Kosmo, 2022).

Jadual 1.2: Bilangan Perceraian di Malaysia, 2017-2023

Bilangan Perceraian	Tahun			
	2017	2019	2021	2023
Orang Islam	39 709	45 502	31 650	44 322
Orang Bukan Islam	10 605	11 122	12 286	13 513
Jumlah	50 314	56 624	43 936	57 835

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024

Jika diteliti, perceraian merupakan satu aspek yang membawa kepada perubahan bentuk keluarga kepada keluarga ibu tunggal. Jadual 1.2 pula menunjukkan bilangan perceraian secara keseluruhan selain perceraian dalam kalangan orang Islam dan orang bukan Islam di Malaysia antara tahun 2017 hingga tahun 2023. Berdasarkan jadual tersebut, jumlah bilangan perceraian secara keseluruhannya meningkat 15.0% daripada 50 314 kes pada tahun 2017 kepada 57 835 kes pada tahun 2023. Dari segi pecahannya, perceraian dalam kalangan orang Islam meningkat sebanyak 12.0% iaitu daripada 39 709 kes pada tahun 2017 kepada 44 322 kes pada tahun 2023. Perceraian dalam kalangan orang bukan Islam pula meningkat sebanyak 27.0% iaitu daripada 10 605 kes pada tahun 2017 kepada 13 513 kes pada tahun 2023.

Dalam konteks ini, pelbagai faktor mampu mendorong kepada proses perceraian. Permasalahan yang dihadapi berhubung kekangan kewangan (Raihanah Azahari, 2008), soal pemberian nafkah (Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah & Syazwana Aziz, 2016; Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif, 2017) selain masalah ketiadaan persefahaman antara suami isteri, kecurangan suami dan suami tidak

bertanggungjawab (Zainudin, 2018). mudah mendorong kepada perceraian. Malah, perceraian juga memperlihatkan perkaitannya dengan faktor kerjaya pasangan (Zainab, Wan-Ibrahim & Asyraf, 2014), sikap pasangan (Raihanah Azahari, 2008), amalan gaya hidup yang tidak sihat (Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim & Intan Nadia Ghulam Khan, 2012), faktor penyakit (Azmawaty Mohamad Nor, Rafidah Aga Mohd Jaladin, Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim, Norazani Ahmaddan, 2013), masalah seksualiti (Wan Murni Wan Mokhtar & Anwar Fakhri Omar, 2018; Azmawaty Mohamad Nor, Rafidah Aga Mohd Jaladin, Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim, Norazani Ahmaddan, 2013) selain diskriminasi dan kekerasan yang mengambil tempat di rumah (Fadillah Ismail, 2016). Walau apa sahaja faktor yang menjadi punca berlakunya penceraian, perkara yang jelas adalah dalam berhadapan dengan status ibu tunggal, golongan ini mengharungi dengan pelbagai cabaran khususnya yang berkaitan dengan masalah kewangan. Perkara ini penting diberi perhatian yang tinggi.

Bagi kebanyakan majoriti ibu tunggal masalah kewangan merupakan tekanan utama yang mempengaruhi kehidupan (Kotwal dan Prabhakar, 2009). Tahap kebimbangan kewangan didapati lebih tinggi dalam kalangan ibu tunggal mungkin disebabkan oleh jumlah pendapatan yang diterima tidak mencukupi untuk menyara menanggung diri mereka sendiri dan keluarga mereka (Nor, Hasan, Omar, Vellymalay, and Omar, 2018). Hal ini menjadi lebih serius apabila mereka tidak mendapat sokongan kewangan dari bekas suami mereka atau agensi kerajaan (Mulia, 2017). Kekurangan sumber kewangan dan tanggungan yang ramai boleh menyebabkan ibu tunggal berada dalam kemiskinan (Ahmad et al., 2018).

Tekanan kewangan yang dihadapi oleh ibu tunggal bertambah rumit apabila didapati kegagalan bekas suami untuk melunaskan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak dengan mengabaikan pemberian nafkah bulanan. Menurut Mulia (2017), mengumpul nafkah daripada bekas suami terbukti sangat mencabar. Proses mahkamah yang begitu panjang dan memakan masa sehingga bertahun-tahun turut menjadi faktor ibu tunggal terus dihipit tekanan kewangan bagi menyara anak-anak mereka kerana prosedur mahkamah yang panjang turut menelan kos yang tinggi. Terdapat kos tambahan yang terlibat seperti kos pemfailan dan pengangkutan yang menjadi beban yang besar bagi ibu tunggal. (Nor et al., 2018). Harta sepencarian juga gagal dituntut selepas bercerai atau kematian suami menambahkan lagi beban yang dipikul oleh ibu tunggal. Kegagalan ini berpunca daripada kurangnya pengetahuan mengenainya dan kekangan kewangan yang terbatas kerana proses tersebut memerlukan yuran guaman yang tinggi.

Selain itu, ibu tunggal yang kematian suami berhadapan dengan risiko kegagalan menuntut harta pusaka yang dibekukan, harta pusaka yang tidak dituntut dan juga berhadapan dengan kesukaran penerimaan bahagian dalam pembahagian harta pusaka bekas suami mengikut prosedur yang betul. Mereka yang terlalu bergantung kepada suami semata-mata menjadi masalah yang rumit apabila mereka menghadapi saat sukar apabila kematian suami secara tiba-tiba. Ianya menjadi lebih rumit dan bermasalah apabila kejahilan dan sikap waris yang tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri sendiri akan menyebabkan ibu tunggal ini berserta anak-anaknya teraniaya dengan membolot kesemua harta si mati. Natijahnya, ibu tunggal dan anak-anak mereka yang menjadi mangsa keadaan.

Kebanyakan ibu tunggal juga kurang pengetahuan mengenai pengendalian harta pusaka (insurans, tanah, wang simpanan dan lain-lain) termasuk harta sepencarian atau pun skim pencen seperti KWSP, malah tidak mempunyai wang simpanan kecemasan. Mereka juga tidak berpengetahuan berkenaan alternatif lain yang tersedia iaitu sebagai contoh perancangan hibah yang sepatutnya perlu dibuat diawal usia perkahwinan lagi sebagai langkah awal pengurusan risiko bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini berlaku yang bakal menjunamkan mereka (ibu tunggal dan anak-anak) ke lembah kesulitan kewangan atau pun kemiskinan yang tidak berpenghujung. Menurut (Daud, Redzuan, & Yakob, 2017), konsep hibah tidak mendapat perhatian dari masyarakat Islam kerana kurang kefahaman mengenainya.

Selain masalah ini, terdapat juga ibu tunggal yang menghadapi kesukaran kewangan untuk meneruskan hidup dengan anak-anak mereka yang membesar berasingan (Zakaria, Akhir, & Omar, 2018). Menurut Zainal et al. (2017), ibu tunggal juga kurang berkeyakinan berkaitan pengetahuan pengurusan kewangan peribadi mereka. Hal ini ditambah pula dengan tekanan yang dihadapi oleh golongan ini berkaitan dengan kerja, perumahan, stigma, kawasan kejiranan yang kurang selamat selain sokongan peribadi yang terhad (Broussard, Joseph, & Thompson, 2012). Pelbagai cabaran yang dihadapi sebegini amat mempengaruhi kestabilan ekonomi keluarga. Tambahan lagi, kesejahteraan fizikal dan emosi ibu tunggal dan anggota keluarga turut terkesan oleh cabaran berbangkit ini.

Dalam pada itu, merujuk laporan DOSM (2022) berkenaan dengan Paras Garis Kemiskinan (PGK) dan Insiden Kemiskinan Mutlak Malaysia 1970-2022, nilai purata

PGK Malaysia adalah RM2,589 telah dianggarkan bagi tahun 2022 berbanding RM2,208 pada tahun 2019. Berdasarkan Rajah 1.1, nilai PGK tegar di Malaysia adalah RM1,198 (KKDW, 2022) Menurut Penang.Gov (2019), mereka yang berpendapatan bulanan isi rumah kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan iaitu RM500 dan pendapatan perkapita RM100 adalah dikategorikan sebagai miskin tegar. Berdasarkan Rajah 1.1 lagi, kumpulan isi rumah miskin iaitu berpendapatan bulanan kurang daripada PGK di mana nilai PGK nasional kini adalah RM1,198 sebulan dan RM1,199 untuk kategori luar bandar (KKDW,2022) termasuk dalam golongan B40 yang merupakan 40% rakyat Malaysia yang terdiri daripada golongan ini (Myredaksi, 2019). Kadar kemiskinan di Malaysia adalah sebanyak 6.2% manakala kadar kemiskinan luar bandar menunjukkan peratusan sebanyak 12.0%.


Rajah 1.1: Pendapatan dan Kemiskinan, 2022

	Luar Bandar	Malaysia
Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	RM 2,342	RM 2,589
Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Tegar	RM 1,199	RM 1,198
Kadar Kemiskinan	12%	6.20%
Pekali Gini	0.351	0.404
Pendapatan Isi Rumah Purata	RM 5,147	RM 8,479
Pendapatan Isi Rumah Purata B40	RM 2,424	RM 3,401
Had Pendapatan B40	<RM3,510	<RM5,250

Sumber: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, 2022

Rajah 1.2 pula menunjukkan bahawa, kategori purata pendapatan isi rumah kasar adalah terdiri daripada yang terendah 40% (B40), pertengahan 40% (M40) dan tertinggi 20% (T20) iaitu melambangkan peratusan purata pendapatan penduduk Malaysia yang

terdiri di dalam ketiga-ketiga kategori tersebut. Pada tahun 2022, pendapatan isi rumah kasar bulanan purata bagi kumpulan isi rumah B40 adalah RM3 401.00 di Malaysia. Kumpulan B40 di bandar menunjukkan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata sebanyak RM3 920.00 manakala luar bandar pula RM2 424.00. Nilai ini jauh berbeza dengan kumpulan isi rumah M40 dan T20. Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata bagi kumpulan isi rumah M40 di Malaysia adalah RM7 971.00 dengan kumpulan M40 di bandar menunjukkan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata sebanyak RM8 942.00 dan luar bandar sebanyak RM4 971.00. Bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan purata bagi kumpulan isi rumah T20 adalah RM19 652.00 di Malaysia. Bagi kumpulan T20 ini, pendapatan isi rumah kasar bulanan purata bagi kawasan bandar adalah sebanyak RM21 416.00 manakala kawasan luar bandar pula adalah sebanyak RM11 009.00. Jadual di atas jelas menunjukkan tekanan kewangan yang mampu dihadapi oleh golongan B40 berbanding kumpulan isi rumah M40 dan T20. Dalam konteks ibu tunggal, implikasi ekonomi keluarga khususnya yang berada dalam kumpulan B40 merupakan suatu perkara yang tidak mungkin dapat dielakkan.



Rajah 1.2: Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata Bagi Kumpulan Isi Rumah Mengikut Strata, 2022

Sumber: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, 2022

Dalam berhadapan dengan desakan ekonomi keluarga, ibu tunggal mengutamakan pelbagai strategi daya tindak bagi mengurus kewangan masing-masing. Strategi daya tindak ini boleh berbentuk usaha peribadi dalam mengurus kewangan, sokongan daripada keluarga, rakan atau saudara mara, bantuan kerajaan atau sokongan pihak berkepentingan. Pada masa yang sama, strategi daya tindak ini amat perlu bagi golongan ibu tunggal untuk menyokong keperluan anggota keluarga yang bergantung hidup pada diri mereka. Justeru, melalui kajian ini pemahaman terhadap strategi daya tindak ini amat perlu bagi memahami keberkesanan strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal dalam memperkukuh sistem sokongan bagi menjami kesejahteraan golongan ini.

1.2 Pernyataan Masalah

Ibu tunggal memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar terhadap keluarga. Golongan ini berhadapan dengan cabaran berganda iaitu bekerja dan mengurus anak di rumah. Sebagai ketua keluarga, golongan ini memainkan peranan yang penting sebagai pembawa sumber pendapatan tunggal bagi keluarga. Berbanding dengan keluarga asas yang terdiri daripada pasangan suami isteri, keluarga ibu tunggal berhadapan dengan kekangan kewangan yang tinggi (Daryanai, Hamilton, Abramson & Alloy, 2016). Kekangan kewangan ini bukan sahaja memberi kesan ke atas usaha menjamin keperluan sara hidup keluarga tetapi juga dalam memenuhi pelbagai keperluan anak. Jika masalah ini tidak diatasi dengan baik ia mampu memberi implikasi yang tinggi terhadap pelbagai aspek kehidupan ibu tunggal dan keluarga.

Selain itu, secara psikologinya ibu tunggal yang kematian suami atau pun bercerai mempunyai dua kesan yang berlainan dalam kehidupan mereka dan juga anak-anak. Perpisahan antara ibu dan bapa mudah mendorong kepada ketidakstabilan emosi dan perlakuan (Isahak et al., 2009). Menurut Kotwal and Prabhakar (2009), ibu tunggal biasanya mengalami kesedihan traumatik kerana kematian awal suami mereka. Ibu tunggal yang bercerai mahupun kematian suami mengalami tekanan emosi yang sangat hebat kerana terpaksa menjadi ketua keluarga selain menjadi pencari nafkah tunggal keluarga tanpa dibantu oleh sesiapa, disamping hidup dihipit kemiskinan. Tekanan perasaan muncul apabila mereka merasa rutin kehidupan yang bersendirian, tiada sokongan moral dan fizikal daripada keluarga mahupun masyarakat setempat. Menurut

Mulia (2017), antara cabaran utama yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah termasuk menjana pendapatan, menjaga, mendidik dan mendisiplinkan anak-anak mereka.

Kepincangan hidup yang mereka lalui mendorong mereka ke arah kehidupan yang negatif, ditindas dan dizalimi oleh orang lain, selain tidak menerima sebarang nafkah daripada bekas suami dan tiada bantuan sara hidup. Kanak-kanak yang hidup dengan ibu tunggal mempunyai kehidupan rumah yang berbeza dengan kanak-kanak yang tinggal bersama kedua ibu bapa (Kotwal & Prabhakar, 2009). Anak-anak yang tidak berdosa terpaksa berdepan dengan situasi yang perit ini dan meletakkan mereka ke dalam jurang yang sangat berbeza dengan kehidupan keluarga yang normal/ lengkap. Anak-anak ini juga tercicir, malah ada di antara mereka juga keluar bekerja secara sampingan atau pun melupakan terus hasrat untuk belajar demi membantu ibu mereka menyara keluarga kerana tuntutan ekonomi keluarga yang kritikal.

Walaupun pelbagai bentuk bantuan dan program dilaksanakan oleh kerajaan dalam membantu ibu tunggal, terdapat banyak ibu tunggal yang masih hidup dalam kemiskinan (Evans, 2011). Proses memohon bantuan kewangan secara formal juga adalah terlalu rumit dan ibu tunggal merasakan ianya amat sukar bagi mereka untuk memperolehnya dan melupakan sahaja hasrat tersebut. Berdasarkan kajian (Mulia, 2017), bantuan yang diterima oleh ibu tunggal daripada pelbagai agensi hanya bernilai RM200-RM300 sebulan. Pendapatan ini merupakan di bawah tahap paras kemiskinan tegar jika ibu tunggal tidak mempunyai sebarang pendapatan tambahan lain. Menurut laporan (Sinar, 2019), walaupun ibu tunggal tersebut merupakan penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat namun wang yang berjumlah RM350 diterima sebulan

masih tidak mencukupi untuk kelangsungan hidup dan terpaksa keluar bekerja sebagai alternatif lain untuk menyara keluarga. Kebanyakan ibu tunggal ini mempunyai anak-anak yang masih kecil dan perkara ini lebih memburukkan keadaan memandangkan kos penjagaan anak-anak kecil yang sangat tinggi (Zakaria et al., 2018). Ibu tunggal terpaksa keluar untuk bekerja, namun tiada siapa yang dapat menjaga anak-anak mereka akibat tidak mampu menampung kos asuhan anak-anak. Dalam kehidupan realiti tidak dapat dinafikan bahawa terdapat ibu tunggal yang terpaksa meninggalkan anak-anaknya untuk keluar bekerja bagi menampung kehidupan termasuk anak yang kurang upaya. Lebih menyedihkan, ibu tunggal terpaksa meninggalkan anak-anak yang masih kecil bersendirian (termasuk anak yang kurang upaya) di rumah (tanpa pengawasan orang dewasa) kerana tidak mampu untuk membayar kos asuhan semasa keluar bekerja.

Terdapat ibu tunggal yang terpaksa meninggalkan anak-anak kecil mereka bersendirian untuk dijaga oleh anak-anak yang lebih besar atas desakan hidup sehingga mengabaikan hak-hak pembelajaran mereka (Zakaria et al., 2018). Memandangkan golongan ini tidak mampu membayar penjagaan kanak-kanak dan sering dibebani dengan beban tambahan untuk merawat ahli keluarga, banyak ibu tunggal mesti bergantung kepada bantuan sederhana kerajaan (Mulia, 2017). Walaupun pelbagai bantuan dan kesedaran program kesaksamaan telah dijalankan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk mengatasi masalah-masalah ini, ibu tunggal dengan pendapatan dan pendidikan rendah masih berhadapan dengan tekanan dari segi fizikal dan mental (Mohd et al., 2011). Oleh itu, mereka terus dihipit bebanan kewangan yang begitu mencabar kerana kesukaran untuk mencari sumber pendapatan tambahan yang lain rentetan daripada isu-isu yang tidak dapat dielakkan.

Peningkatan kos hidup akibat tekanan ekonomi dan inflasi yang tinggi turut membebankan ibu tunggal (Isahak et al., 2009). Sebagaimana situasinya di bandar, usaha untuk menjana pendapatan keluarga sebagai pembawa pendapatan tunggal dalam keluarga turut dirasakan oleh ibu tunggal yang tinggal di luar bandar (Mulia, 2017). Di samping itu, persaingan dalam peluang pekerjaan juga terbatas kerana faktor pendidikan yang rendah dan tidak mempunyai kemahiran dalam bidang tertentu.

Malah, stigma negatif berlaku apabila ibu tunggal memohon pekerjaan, berada di tempat kerja, apabila memohon satu-satu kemudahan dan yang paling besar adalah sewaktu berada dalam komuniti (OPFS, 2014). Stigma ini diperkukuhkan dengan budaya masyarakat yang kemudiannya dilabel ibu tunggal berpendapatan rendah sehinggakan golongan ini sering diabaikan dan dilayan secara berbeza (Mohd et al., 2011). Hal ini merupakan salah satu faktor di mana ibu tunggal tercicir daripada mendapat bantuan yang sepatutnya. Keluarga ibu tunggal juga sering dianggap oleh masyarakat sebagai sebuah keluarga yang *abnormal* atau *dysfunctional* atau keluarga *handicap* (Isahak et al., 2009). Masyarakat Melayu misalnya selalu melabelkan ibu tunggal sebagai orang yang tidak baik kerana dipercayai golongan ini cenderung merosakkan rumah tangga orang lain, bercerai kerana sikap buruk, dibenci oleh bekas suami dan sebagainya. Ibu tunggal juga memperoleh pelbagai pengalaman negatif daripada jiran-jiran, rakan-rakan, dan juga saudara-mara yang berkaitan dengan kepercayaan budaya yang telah diterima pakai di dalam masyarakat Melayu secara keseluruhannya (Mohd et al., 2011). Pada masa yang sama, masyarakat juga mempunyai perspektif yang berbeza mengenai wanita balu atau janda (diceraikan). Jika ibu tunggal merupakan seorang balu maka masyarakat akan

bersimpati tetapi jika ia adalah seorang janda (bercerai), masyarakat mudah membentuk fikiran yang negatif dengan mengandaikan bahawa wanita tersebutlah yang menjadi punca perceraian yang terhasil (Mohd et al., 2011).

Stigma masyarakat terhadap ibu tunggal merupakan hambatan mental yang terbesar bagi golongan ini untuk bergerak bebas dalam masyarakat (Isahak et al., 2009). Janda, balu atau ibu tunggal sering terpinggir dan mendapat label yang negatif dalam kalangan masyarakat dan sering dipandang serong oleh masyarakat (Zakaria et al., 2018). Anak-anak daripada golongan ini juga terpalit dengan stigma negatif masyarakat setempat bahawa keluarga tersebut pincang dan tidak sempurna. Lebih buruk lagi, stigma negatif ini boleh terbawa-bawa sehingga ke sekolah dan diejek rakan-rakan sehingga menjejaskan reputasi mereka dalam pelajaran.

Tambahan lagi, sikap dan tingkah laku ibu tunggal juga sering diragui atau dipertikaikan oleh masyarakat. Sesetengah masyarakat mudah melabel ibu tunggal sebagai golongan yang sial, membawa musibah dan tidak mempunyai masa depan yang cerah. Sesetengah masyarakat juga bersikap sentiasa prejudis dan menganggap bahawa keluarga ibu tunggal yang diketuai oleh janda atau balu, tidak dapat berfungsi dengan baik dan sempurna (Zakaria et al., 2018). Sesebuah keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal sering menerima stigma negatif daripada masyarakat kerana kegagalan dan konflik yang berlaku dalam kehidupan rumah tangga serta mempunyai taraf ekonomi yang rendah (Zainal et al., 2017). Antara tekanan ibu tunggal yang paling teruk adalah bantuan awam, pekerjaan, pendidikan, penjagaan anak, kejiwaan, sokongan sosial, dan stigma (Broussard et al., 2012). Masalah ini turut mewujudkan halangan kepada ibu tunggal bersama anak-

anak mereka untuk keluar dari himpitan tekanan kewangan kerana gagal mendapat tempat di dalam komuniti, pekerjaan, pendidikan dan bantuan yang sewajarnya.

Dalam berhadapan dengan pelbagai cabaran tidak dapat dinafikan bahawa terdapat ibu tunggal yang berjaya keluar dari belenggu kemiskinan namun kejayaan ini tidak berpihak kepada semua. Hal ini kerana tidak semua yang bernasib baik dalam hal ini. Ramai ibu tunggal yang masih dihipit dengan kehidupan yang sukar dengan pelbagai cabaran yang mengekang mereka membebaskan diri dari belenggu kemiskinan.

Walaupun peningkatan bilangan ibu tunggal melambangkan satu fenomena yang membimbangkan dan banyak kajian dilakukan dengan menjurus kepada hubungan antara ibu tunggal dan kemiskinan namun tidak banyak kajian yang dikhususkan kepada usaha ibu tunggal dalam menangani tekanan kewangan yang dihadapi. Kajian berhubung dengan strategi daya tindak menangani tekanan kewangan masih terbatas apatah lagi dalam konteks negara membangun seperti Malaysia. Kurangnya penekanan terhadap aspek ini menghalang pemahaman yang baik terhadap pengalaman ibu tunggal dalam mengurus kewangan dan strategi daya tindak yang digunakan untuk menangani masalah tekanan kewangan. Kurangnya penekanan terhadap permasalahan ini juga menghalang pembentukan atau penghasilan sistem sokongan yang berkesan selaras keperluan keluarga ibu tunggal demi kesejahteraan hidup.

Penekanan terhadap strategi daya tindak dalam kalangan ibu tunggal adalah penting kerana pemahaman ini amat perlu untuk menilai keberkesanan strategi yang digunakan oleh golongan ini bagi membolehkan usaha diambil untuk mengukuhkan

keperluan bagi menyokong dan membantu golongan ibu tunggal demi kesejahteraan hidup mereka. Selain itu, dengan memberi penekanan kepada strategi-strategi yang efektif maka pelbagai jalan penyelesaian dapat diketemukan bagi mengelakkan golongan ini daripada belenggu tekanan emosi bagi menjamin kesejahteraan mental. Pada masa yang sama, tanpa pemahaman yang jelas terhadap strategi ini maka terdapat potensi yang tinggi bagi pihak berkepentingan untuk terlepas pandang atau mengabaikan tanggungjawab untuk membantu golongan ini. Hal ini penting untuk membebaskan golongan ini daripada belenggu kemiskinan yang dialami selain menyediakan sumber dan kemudahan yang diperlukan oleh golongan ini demi masa hadapan yang lebih cerah. Lebih penting lagi, kajian terhadap strategi daya tindak dalam kalangan ibu tunggal penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tentang cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal dan keperluan untuk membantu dan memenuhi keperluan golongan ini.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk merapatkan jurang penyelidikan dengan meneroka strategi daya tindak yang dipraktis oleh ibu tunggal dalam mengurus dan menangani tekanan kewangan mereka. Tumpuan diberikan kepada keefektifan strategi daya tindak dalam menangani tekanan kewangan ibu tunggal. Dengan pengisian ini, pelbagai sistem sokongan yang kukuh dalam membantu ibu tunggal dapat diusahakan oleh pihak kerajaan melalui pelan pembangunan dan pengubalan polisi mahupun oleh pihak swasta melalui bantuan petubuhan bukan kerajaan mahupun anggota masyarakat. Melalui usaha sebegini diharap tekanan yang dialami oleh ibu tunggal terhadap tekanan kewangan dapat dikawal sekaligus dapat menjamin kesejahteraan hidup golongan ini.

1.3 Objektif Kajian

- i) Mengkaji strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal berpendapatan rendah dalam menangani tekanan kewangan.
- ii) Meneroka pengalaman ibu tunggal berpendapatan rendah dalam menangani tekanan kewangan.

1.4 Persoalan Kajian

- i) Apakah corak strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal berpendapatan rendah dalam menangani tekanan kewangan?
- ii) Bagaimana ibu tunggal berpendapatan rendah menangani tekanan kewangan?
- iii) Adakah strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal berpendapatan rendah berkesan dalam memperbaiki kesejahteraan kewangan keluarga mereka?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat menambah baik kajian literatur yang telah sedia ada untuk rujukan pengkaji di masa yang akan datang. Penemuan kajian ini juga dijangka membantu kerajaan dalam merangka atau menggubal undang-undang dan peraturan yang akan melindungi ibu tunggal dan memberi mereka bantuan bukan sahaja dari segi bantuan kewangan, tetapi juga dalam bentuk sokongan moral untuk memotivasi mereka untuk meneruskan kehidupan yang lebih mencabar pada masa akan datang. Sokongan dari bantuan sosial dan kebajikan yang berterusan yang ditujukan untuk mengurangkan beban ibu tunggal dalam memenuhi keperluan harian mereka (Haleman, 2004). Dalam bidang sektor sosioekonomi, peningkatan kesedaran terhadap tekanan kewangan dan peluang

pekerjaan ibu tunggal dalam perkhidmatan dan industri akan diharapkan dapat meningkatkan kadar KDNK, mengurangkan kadar inflasi dan menurunkan kadar kemiskinan di negara ini secara keseluruhan.

Bagi ibu tunggal pula, kajian ini dapat dapat mengukuhkan pemahaman golongan ini tentang strategi-strategi yang efektif yang boleh digunapakai dalam pengurusan kewangan bagi menangani tekanan kewangan. Kajian ini juga diharap dapat membolehkan pihak berkepentingan lain seperti pihak swasta dan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan bagi membangunkan program dan aktiviti yang sesuai dan efektif dalam menyokong dan membantu kesejahteraan hidup ibu tunggal. Pada masa yang sama, kajian ini juga penting dalam memupuk kesedaran masyarakat tentang isu ibu tunggal dan keperluan untuk menyokong golongan ini agar tidak terus hanyut dalam belenggu desakan ekonomi keluarga.

1.6 Takrifan Istilah

Bagi memastikan kefahaman yang jelas dan konsisten terhadap konsep-konsep utama yang digunakan dalam kajian ini, beberapa istilah penting dihuraikan berdasarkan konteks kajian serta rujukan daripada literatur terdahulu. Penjelasan ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan atau salah tafsir terhadap maksud istilah yang digunakan. Justeru, takrifan yang diberikan memberi fokus kepada aspek-aspek yang relevan dengan skop kajian serta objektif yang telah ditetapkan.

Ibu Tunggal

Menurut Kotwal and Prabhakar (2009), keluarga ibu bapa tunggal boleh ditakrifkan sebagai "Keluarga yang terdiri daripada seorang ibu tunggal atau bapa yang mempunyai anak-anak tanggungan mereka sendiri" yang terdiri dalam beberapa cara, kematian seorang ibu bapa, perceraian, perpisahan dan pengabaian. Berdasarkan Buku Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal (2015-2020), berikut merupakan definisi Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dalam mengambil kira ibu tunggal: mengambil kira ibu tunggal berdasarkan kriteria/ parameter / definisi berikut:

- i) perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, bertaraf perkahwinan balu atau bercerai/ berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama;
- ii) perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah tetapi mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja)
- iii) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; atau
- iv) perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf)

Golongan Berpendapatan Rendah

Golongan berpendapatan rendah dikenali sebagai *Bottom 40* (B40) adalah kumpulan isi rumah terendah di Malaysia iaitu 40% penduduk Malaysia terdiri daripada golongan ini (Myredaksi, 2019). Golongan ini yang tergolong di dalam kategori B40 dengan pendapatan seisi rumah dengan purata bulanan di bawah RM2,424 (luar bandar), RM3,920 (bandar) dan RM3,401 di seluruh Malaysia (KKDW, 2022).

Strategi Daya Tindak

Daya tindak ini adalah proses di mana usaha ditunjukkan oleh seseorang individu untuk mengurus tekanan yang dijalankan sepanjang masa adalah selaras dengan sistem rangka kerja (*framework system*) (Broussard et al., 2012) . Daya tindak merujuk kepada pelbagai cara berfikir (*cognition*) dan tingkah laku yang digunakan dalam situasi menghadapi tekanan dalaman dan luaran (Walsh, Fortier. M. A., & D., 2010).

Kesukaran Kewangan

Kesukaran kewangan merujuk kepada keadaan di mana individu atau keluarga menghadapi kekurangan sumber kewangan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pakaian, dan perbelanjaan lain yang penting dalam kehidupan harian (Rahim & Ismail, 2023). Keadaan ini bukan sahaja melibatkan kekurangan wang, tetapi juga kesukaran dalam menguruskan perbelanjaan dan hutang yang semakin bertambah, sekali gus menjejaskan kestabilan ekonomi keluarga.

Tekanan Kewangan

Tekanan kewangan merujuk kepada tekanan psikologi atau emosi akibat daripada kesulitan kewangan seperti kebimbangan tentang beban hutang, ketidakupayaan untuk membuat simpanan berasaskan kewangan dan ketidakpastian tentang keperluan memenuhi kewajipan kewangan masa hadapan. Adakalanya ia juga bersifat subjektif di mana individu mungkin berasa tertekan dari segi kewangan walaupun mereka tidak menghadapi masalah kewangan yang objektif (Brayne & Gennetian, 2021; Sweet at el.,2013).

Kesejahteraan Kewangan

Kesejahteraan kewangan ditakrifkan sebagai keadaan di mana seseorang boleh memenuhi kewajipan kewangan semasa dan berterusan, berasa selamat tentang masa depan kewangan mereka, dan mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan yang membolehkan mereka menikmati kehidupan. Ia memenuhi keperluan kedua-dua keadaan kewangan iaitu yang bersifat objektif (seperti pendapatan, simpanan dan hutang) dan juga yang bersifat subjektif (seperti tanggapan kawalan kewangan, keyakinan dan pengurangan tekanan berkaitan wang) (Netemeyer et al., 2018). Biro Perlindungan Kewangan Pengguna (CFPB) mentakrifkan kesejahteraan kewangan sebagai "keadaan di mana seseorang dapat memenuhi sepenuhnya kewajipan kewangan semasa dan berterusan, berasa selamat dalam masa depan kewangan mereka, dan membuat pilihan yang membolehkan keseronokan hidup" (CFPB, 2015).

Strategi Daya Tindak

Daya tindak ini adalah proses di mana usaha ditunjukkan oleh seseorang individu untuk mengurus tekanan yang dijalankan sepanjang masa adalah selaras dengan sistem rangka kerja (*framework system*) (Broussard et al., 2012) . Daya tindak merujuk kepada pelbagai cara berfikir (*cognition*) dan tingkah laku yang digunakan dalam situasi menghadapi tekanan dalaman dan luaran (Walsh, Fortier. M. A., & D., 2010).

Sokongan Sosial

Sokongan sosial merujuk kepada bantuan emosi, material, atau maklumat yang diterima daripada individu lain seperti ahli keluarga, rakan, jiran, atau institusi. House (1981) menjelaskan bahawa sokongan sosial boleh hadir dalam bentuk sokongan emosi (seperti empati dan kasih sayang), sokongan instrumental (seperti bantuan kewangan dan fizikal), serta sokongan maklumat (seperti nasihat dan cadangan). Dalam kajian ini, sokongan sosial dilihat sebagai faktor yang membantu ibu tunggal mengurangkan tekanan kewangan melalui bantuan formal dan tidak formal.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian adalah untuk mengkaji kepelbagaian strategi daya tindak digunakan oleh ibu tunggal untuk mengekalkan keluarga mereka dan mendidik anak-anak mereka dalam menghadapi cabaran tekanan kewangan. Kajian akan memberi penekanan kepada elemen-elemen sokongan luaran, sokongan dalaman dan sokongan sendiri yang digunakan oleh ibu tunggal dalam menangani tekanan kewangan. Elemen sokongan luaran merupakan bantuan formal (seperti bantuan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti). Elemen sokongan dalaman pula merupakan bantuan tidak formal (seperti keluarga, kawan dan jiran). Sokongan sendiri pula terdiri daripada pelbagai usaha sendiri (seperti bajet, kerja sampingan, perniagaan dan pelaburan).

Kajian ini adalah tertumpu kepada golongan ibu tunggal yang tinggal di utara Malaysia (Pulau Pinang dan Perak). Ibu tunggal terlibat adalah dari pelbagai bangsa dan